

PENANDA WACANA

- Penanda wacana ialah kata atau rangkai kata yang menghubungkan ayat.
- Penanda wacana digunakan dalam perenggan yang sama atau perenggan yang baru supaya ayat-ayat menjadi lebih teratur dan mempunyai kesinambungan antara satu perenggan dengan perenggan yang seterusnya.

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Alia mendapati dompetnya hilang. \_\_\_\_\_ dompetnya tercicir atau tersalah letak.  
A Justeru  
B Mungkin  
C Akhirnya  
D Kemudian
- 2 Setelah ditanya oleh ayah, \_\_\_\_\_ abang mengaku menumbuk Alif Haikal.  
A lagipun  
B mungkin  
C akhirnya  
D kemudian
- 3 Nurul Aina tidak hadir ke sekolah pada hari ini. \_\_\_\_\_ dia sakit gigi.  
A Lagipun  
B Mungkin  
C Akhirnya  
D Kemudian
- 4 Lapan orang peserta menarik diri. \_\_\_\_\_, program lawatan itu terpaksa dibatalkan.  
A Jadi  
B Justeru  
C Mungkin  
D Sebaliknya



- 5 Dato' Khir menyampaikan ucapan. \_\_\_\_\_, beliau merasmikan laman web syarikat itu.
- A Namun
  - B Mungkin
  - C Meskipun
  - D Seterusnya
- 6 Jamil belum menghantar borang penyertaan pertandingan mengarang \_\_\_\_\_ tarikh tutup semakin hampir.
- A justeru
  - B lagipun
  - C namun
  - D walhal
- 7 \_\_\_\_\_ membeli kereta, memiliki basikal \_\_\_\_\_ dia tidak mampu.
- A Baik ...pun
  - B Jangankan...pun
  - C Walaupun...bahkan
  - D Walaupun...namun
- 8 Azah kelihatan mengantuk lagi. \_\_\_\_\_ dia menolong ibunya di warung sehingga lewat malam.
- A Kemudian
  - B Namun
  - C Mungkin
  - D Selain itu
- 9 Mula-mula basuh beras itu bersih-bersih. \_\_\_\_\_ sukat air secukupnya.
- A Namun
  - B Oleh itu
  - C Kemudian
  - D Dengan demikian



- 10 Rohaya seorang murid yang rajin dan berdisiplin. \_\_\_\_\_ dia sentiasa mendapat pujian daripada guru-gurunya.
- A Selain itu
  - B Oleh sebab itu
  - C Namun demikian
  - D Biarpun demikian
- 11 Cikgu Salman selalu memarahi murid-muridnya. \_\_\_\_\_, murid-murid menghormatinya kerana beliau seorang guru yang berdedikasi.
- A Selain itu
  - B Namun begitu
  - C Oleh sebab itu
  - D Lebih-lebih lagi
- 12 Sejak kecil lagi Pak Udin memang gerun ke laut, \_\_\_\_\_ pada usianya yang semakin lanjut ini.
- A walaupun begitu
  - B namun demikian
  - C lebih-lebih lagi
  - D selepas itu
- 13 Kerajaan terpaksa menangguhkan banyak projek kerana kegawatan ekonomi. \_\_\_\_\_, program membantu rakyat miskin tetap dilaksanakan.
- A Selain itu
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Walaupun demikian
  - D Oleh sebab itu
- 14 Berita yang disampaikannya sungguh mengejutkan saya. \_\_\_\_\_, saya mencuba sedaya upaya unuk bertenang.
- A Namun demikian
  - B Selepas itu
  - C Oleh itu
  - D Justeru

- 15 Pelajar yang bermasalah itu diminta menceritakan hal yang sebenarnya. \_\_\_\_\_, diberi nasihat.
- A Mungkin
  - B Selain itu
  - C Selepas itu
  - D Lebih-lebih lagi
- 16 Kami membawa murid-murid melawat ke Bandar Melaka untuk melihat kesan peninggalan sejarah . \_\_\_\_\_, kami bercadang akan berkelah di Tanjung Bidara.
- A Selain itu
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Biarpun demikian
  - D Namun demikian
- 17 Kehidupan Mak Kiah diibaratkan bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. \_\_\_\_\_, semangatnya masih kukuh untuk membesarkan anak-anaknya.
- A Biarpun demikian
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Oleh itu
  - D Mungkin
- 18 Simpan semua buku sekarang, \_\_\_\_\_ kita akan mengadakan kuiz teka silang kata.
- A kemudian
  - B akan tetapi
  - C selanjutnya
  - D namun begitu
- 19 Pergi mandi dahulu. \_\_\_\_\_ bersedia untuk ke kelas piano.
- A Selepas itu
  - B Namun begitu
  - C Oleh sebab itu
  - D Tambahan pula



- 20 Orang ramai merungut kerana harga barang semakin naik. \_\_\_\_\_, harga barangan keperluan.
- A Tambahan pula
  - B Oleh sebab itu
  - C Namun begitu
  - D Lebih-lebih lagi
- 21 Hasil lukisan Suhada tidak pernah berjaya memenangi anugerah. \_\_\_\_\_, semangat untuk terus melukis tidak pernah pudar.
- A Oleh itu
  - B Biarpun demikian
  - C Kalau begitu
  - D Lebih-lebih lagi
- 22 Setelah tiga hari berturut-turut Karim dan kawan-kawannya mendaki gunung itu, \_\_\_\_\_ mereka sampai juga di puncaknya.
- A akhirnya
  - B namun
  - C di samping itu
  - D oleh yang demikian
- 23 “Amalina telah diserang demam campak. \_\_\_\_\_, dia tidak hadir ke sekolah,” kata adiknya kepada Cikgu Nurhisyam.
- A Oleh sebab itu
  - B Di samping itu
  - C Semenjak itu
  - D Sebaliknya
- 24 Suatu kebakaran besar telah berlaku di Tanjung Sepat. \_\_\_\_\_ tiada kemalangan jiwa dilaporkan.
- A Walau bagaimanapun
  - B Namun demikian
  - C Lantaran itu
  - D Jika begitu

- 25 Jamal mendapat gred 3A 2B dalam Ujian Percubaan UPSR. \_\_\_\_\_, semangatnya masih kental untuk berusaha.
- A Oleh itu
  - B Kalau begitu
  - C Oleh sebab itu
  - D Biarpun demikian
- 26 Alif Farhan seorang pemuda yang cacat. \_\_\_\_\_, dia tidak pernah mengharap belas kasihan daripada orang lain.
- A Sungguhpun demikian
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Oleh sebab itu
  - D Kalau begitu
- 27 “Ayah dan Encik Jamil sedang berbincang di ruang tamu. \_\_\_\_\_, lebih baik kita berbual-bual di halaman rumah sahaja,” kata Raju kepada Moorthy.
- A Biarpun demikian
  - B Kalau begitu
  - C Oleh itu
  - D Lebih-lebih lagi
- 28 Basikal Leong Jim Jee terbabas ketika dia melalui selekoh yang licin itu. \_\_\_\_\_, dia juga terlanggar sebatang pokok.
- A Biarpun demikian
  - B Dalam pada itu
  - C Kalau begitu
  - D Oleh itu
- 29 Adik Dahlia suka menonton filem rencana. \_\_\_\_\_ yang berkaitan dengan hidupan liar yang terdapat di Benua Afrika.
- A Tambahan lagi
  - B Meskipun begitu
  - C Biarpun demikian
  - D Lebih-lebih lagi

- 30 Saya pernah bertemu muka dengan Jestina Lim. \_\_\_\_\_, saya faham akan sikapnya.
- A Biarpun demikian
  - B Kalau begitu
  - C Jadi
  - D Justeru
- 31 Tok Ali tidak dapat melihat dengan jelas. \_\_\_\_\_ apabila tulisan itu kecil.
- A Tambahan pula
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Oleh sebab itu
  - D Mungkin
- 32 Amirah berlatih siang dan malam. \_\_\_\_\_, dia berharap dapat memenangi pertandingan syarahan itu.
- A Justeru
  - B Kemudian
  - C Oleh sebab itu
  - D Dengan demikian
- 33 Zarina tidak pernah melupai jasa ibu bapanya. \_\_\_\_\_, dia berjanji akan belajar bersungguh-sungguh untuk membalas jasa mereka.
- A Sungguhpun demikian
  - B Seterusnya
  - C Oleh itu
  - D Lagipun
- 34 Asraf gagal lagi dalam permohonan biasiswa. \_\_\_\_\_, dia terpaksa melupakan hasratnya untuk belajar di luar negara.
- A Dengan demikian
  - B Justeru
  - C Selepas itu
  - D Kalau begitu

- 35 Setelah berkali-kali mencuba membuat kek coklat tanpa putus asa, \_\_\_\_\_ enak berjaya juga.
- A oleh sebab itu
  - B akhirnya
  - C lantaran itu
  - D kemudiannya
- 36 Puan Kalsom sungguh sibuk dengan tugasnya sebagai Guru Besar. \_\_\_\_\_, dia tidak ada masa untuk menguruskan rumah tangganya.
- A Lantaran
  - B Akhirnya
  - C Di samping itu
  - D Justeru
- 37 Encik Dahlan tegas dan tidak suka bercakap banyak. \_\_\_\_\_, dia sabar melayan kerenah anak-anaknya.
- A Walau bagaimanapun
  - B Sebelum itu
  - C Seterusnya
  - D Oleh itu
- 38 \_\_\_\_\_ sudah lewat malam, dia akan pergi juga memanggil doktor kerana keadaan bapanya semakin tenat.
- A Justeru
  - B Tambahan pula
  - C Oleh itu
  - D Kendatipun
- 39 Sekali-kali tidak pernah saya mencaci dia, \_\_\_\_\_ saya puji dia.
- A malahan
  - B mungkin
  - C lagipun
  - D jadi



- 40 Ayah kelihatan terlalu uzur. \_\_\_\_\_, dia tetap membanting tulang empat keratnya untuk mencari rezeki demi anak-anaknya.
- A Kalau begitu
  - B Lantaran itu
  - C Namun demikian
  - D Lebih-lebih lagi
- 41 Untuk berjaya dengan cemerlang, kita mestilah sentiasa menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru di kelas. \_\_\_\_\_, kita juga mestilah rajin mengulang kaji pelajaran.
- A Di samping itu
  - B Oleh sebab itu
  - C Walau bagaimanapun
  - D Oleh yang demikian
- 42 Taufik sentiasa datang awal ke tempat kerja serta bekerja dengan tekun. \_\_\_\_\_, dia disayangi oleh majikannya.
- A Walaupun begitu
  - B Sebaliknya
  - C Lantaran itu
  - D Lebih-lebih lagi
- 43 Amirah telah berjaya memperoleh 10A dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. \_\_\_\_\_, dia telah dianugerahi tokoh pelajar di sekolahnya.
- A Sehubungan dengan itu
  - B Sebaliknya
  - C Namun
  - D Maka
- 44 Rahimah berat mulut orangnya. \_\_\_\_\_, dia ringan tulang.
- A Di samping itu
  - B Namun begitu
  - C Lebih-lebih lagi
  - D Sehubungan dengan itu

- 45 Maisarah tidak jadi mengikut kakaknya ke Kuala Lumpur. \_\_\_\_\_, dia mengikut rombongan sekolahnya ke Melaka.
- A Sebaliknya
  - B Namun begitu
  - C Oleh yang demikian
  - D Walau bagaimanapun
- 46 Kamu perlu makan makanan yang berkhasiat. \_\_\_\_\_, barulah badan kamu sihat dan cergas.
- A Walaupun begitu
  - B Lantaran itu
  - C Di samping itu
  - D Sehubungan dengan itu
- 47 Kak Lina tidak mahir menjahit. \_\_\_\_\_, dia amat pandai memasak pelbagai jenis kek dan biskut.
- A Oleh hal yang demikian
  - B Sehubungan dengan itu
  - C Di samping itu
  - D Namun begitu
- 48 Kalsom sudah meminta maaf daripada Alia. \_\_\_\_\_, Alia masih tidak mahu bertegur sapa dengannya.
- A Namun begitu
  - B Di samping itu
  - C Selepas itu
  - D Kalau begitu
- 49 Kami sekeluarga akan pulang ke kampung selama dua minggu. \_\_\_\_\_, ibu meminta jiran sebelah menjenguk-jenguk rumah kami.
- A Oleh sebab itu
  - B Walau bagaimanapun
  - C Sungguhpun demikian
  - D Walaupun demikian

- 50 Cikgu Farah menegur perbuatan Shafiq dan Aidil. \_\_\_\_\_, beliau mengarahkan mereka beredar dari situ.
- A Selepas itu
  - B Kalau begitu
  - C Lebih-lebih lagi
  - D Walaupun demikian
- 51 Projek itu telah mendapat kritikan hebat daripada pihak-pihak tertentu. \_\_\_\_\_, pelaksanaannya tetap diteruskan.
- A Dengan itu
  - B Kalau begitu
  - C Namun demikian
  - D Walaupun demikian
- 52 Zamri lewat lagi sampai di pejabat hari ini. \_\_\_\_\_ dia terperangkap dalam kesesakan jalan raya.
- A Oleh itu
  - B Mungkin
  - C Dengan sebab itu
  - D Dengan demikian
- 53 Azlina gagal mendapat sebarang tempat dalam pertandingan itu. \_\_\_\_\_, dia tidak pernah kecewa dan berputus asa.
- A Oleh itu
  - B Lantaran itu
  - C Namun begitu
  - D Selepas itu
- 54 Membaca dapat menambah ilmu. \_\_\_\_\_, membaca juga dapat mengisi masa yang terluang dengan lebih berfaedah.
- A Selain itu
  - B Lantaran itu
  - C Selepas itu
  - D Namun begitu

- 55 “Saya tidak dapat melihat dengan jelas. \_\_\_\_\_, pada waktu senja,” kata Zalina kepada jururawat itu.
- A Sungguhpun demikian
  - B Walaupun begitu
  - C Lebih-lebih lagi
  - D Walau bagaimanapun
- 56 “Saya sudah memohon maaf daripadanya. \_\_\_\_\_, dia tetap tidak mahu bertegur sapa dengan saya,” kata Rani kepada Radha.
- A Oleh sebab itu
  - B Di samping itu
  - C Namun begitu
  - D Lantaran itu
- 57 Para peserta tidak mahu mengikut laluan itu. \_\_\_\_\_, itulah satu-satunya jalan untuk sampai ke tempat tersebut.
- A Walau bagaimanapun
  - B Kalau begitu
  - C Tambahan lagi
  - D Lebih-lebih lagi
- 58 Encik Zaharul akan ke Arau sebentar lagi. \_\_\_\_\_, dia memastikan kenderaannya dalam keadaan selamat untuk digunakan.
- A Tambahan lagi
  - B Tambahan pula
  - C Sebelum itu
  - D Selepas itu
- 59 Bapa Hanafi tiada di rumah. \_\_\_\_\_, dia terpaksa membantu emaknya memetik bunga melur di kebun.
- A Selain itu
  - B Oleh itu
  - C Selepas itu
  - D Semenjak itu

- 60 Nampaknya masalah yang kamu hadapi telah dapat diselesaikan. \_\_\_\_\_, tidak perlulah saya membantu.
- A Walaupun demikian
  - B Lebih-lebih lagi
  - C Kalau begitu
  - D Dengan itu



**JAWAPAN PENANDA WACANA**

BIL	ABJAD	JAWAPAN	BIL	ABJAD	JAWAPAN
1	B	Mungkin	31	B	Lebih-lebih lagi
2	C	Akhirnya	32	D	Dengan demikian
3	B	Mungkin	33	C	Oleh itu
4	B	Justeru	34	B	Justeru
5	D	Seterusnya	35	B	Akhirnya
6	D	Walhal	36	D	Justeru
7	B	Jangankan...pun	37	A	Walaupun bagaimanapun
8	C	Mungkin	38	B	Kendatipun
9	C	Kemudian	39	A	Justeru
10	B	Oleh sebab itu	40	C	Namun demikian
11	B	Namun begitu	41	A	Di samping itu
12	C	Lebih-lebih lagi	42	C	Lantaran itu
13	C	Walaupun demikian	43	A	Sehubungan dengan itu
14	A	Namun demikian	44	B	Namun begitu
15	B	Selepas itu	45	A	Sebaliknya
16	A	Selain itu	46	D	Sehubungan dengan itu
17	A	Biarpun demikian	47	D	Namun begitu
18	A	Kemudian	48	A	Namun begitu
19	A	Selepas itu	49	A	Oleh sebab itu
20	D	Lebih-lebih lagi	50	A	Selepas itu
21	B	Biarpun demikian	51	D	Walaupun demikian
22	A	Akhirnya	52	B	Mungkin
23	A	Oleh sebab itu	53	C	Namun begitu
24	B	Namun demikian	54	A	Selain itu
25	D	Biarpun demikian	55	C	Lebih-lebih lagi
26	A	Sungguhpun demikian	56	C	Namun begitu
27	B	Kalau begitu	57	A	Walau bagaimanapun
28	B	Dalam pada itu	58	C	Sebelum itu
29	D	Lebih-lebih lagi	59	B	Oleh itu
30	D	Justeru	60	C	Kalau begitu

